

**KAJIAN KEBERKESANAN KAMPUNG BUKIT PEKAN, KAMPAR
SEBAGAI SEBUAH PUSAT PERTUMBUHAN DESA
DARI SEGI MENINGKATKAN
TARAF SOSIO-EKONOMI PENDUDUK.**

oleh

RAJA NORSHILA BINTI RAJA HASRAN

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur
Universiti Teknologi Mara
Shah Alam

Oktober 1999

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T Yang Maha Berkuasa kerana dengan limpah kurniaNya dapat juga saya menyiapkan Kajian Akhir ini dalam waktu yang telah ditetapkan.

Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Prof. Madya Wan Mohamed Yusoff Bin Abdullah, Penyelia Kajian yang telah banyak membantu dengan memberi tunjuk ajar, nasihat dan komen yang membina untuk membolehkan kajian ini disiapkan dengan sempurna.

Ucapan terima kasih juga ingin diucapkan kepada kakitangan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak, terutama Pn. Hajah Che Zhu yang telah memberikan kerjasama yang diperlukan. Tak lupa juga kepada kakitangan Pejabat Tanah Dan Daerah Kampar yang terlibat dalam memberikan maklumat yang diperlukan serta Ketua Kampung Bukit Pekan yang telah memberikan galakan dan kebenaran bagi menjalankan kajian ini.

Akhir sekali terima kasih diucapkan kepada kedua ibu-bapa, Kak Long dan Kak Nyah serta seluruh kaum keluarga yang telah banyak memberi galakan serta sumbangan dalam usaha untuk mencapai kejayaan.

Segala kerjasama daripada semua yang terlibat dalam penyediaan Kajian Akhir ini diucapkan ribuan terima kasih dan jasa anda semua akan tetap dikenang. Semoga Allah S.W.T memberikan rahmat kepada anda semua. InsyaAllah.

ABSTRAK

Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) adalah merupakan satu pendekatan yang mula diperkenalkan pada tahun 1984 bagi mengatasi masalah ketidakseimbangan pembangunan di antara bandar dan luar bandar. Antara objektif penubuhan adalah bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk bagi mengurangkan kadar kemiskinan luar bandar.

Namun begitu, terdapat PPD yang kurang memainkan fungsinya yang sebenar dalam meningkatkan pendapatan penduduk. Ini kerana terdapat sumber sedia ada yang boleh dieksploitasi tidak digunakan sepenuhnya serta kurangnya kegiatan ekonomi yang boleh meningkatkan pendapatan penduduk. Satu perancangan yang sesuai perlu dilakukan bagi meningkatkan pendapatan penduduk bagi membolehkan objektif penubuhan PPD tersebut tercapai.

Kajian ini telah mengkaji keberkesanan kawasan kajian iaitu Kg. Bukit Pekan, Kampar dari segi meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk bersesuaian dengan peranannya sebagai sebuah PPD. Ini kerana Kg. Bukit Pekan yang telah dipilih sebagai sebuah PPD pada tahun 1997 dilihat tidak dapat menjalankan fungsinya yang sebenar sebagai PPD dalam meningkatkan pendapatan penduduk dan fungsinya yang sebenar juga boleh dipertikaikan.

Oleh itu, kajiselidik telah dijalankan bagi mengetahui pendapatan penduduk, perbelanjaan dan sebagainya bagi membuat rumusan sama ada kawasan kajian ini berkesan atau tidak sebagai sebuah PPD. Cadangan-cadangan yang dijangka akan membawa kepada peningkatan taraf sosio-ekonomi penduduk juga diutarakan bagi menyelesaikan masalah ini serta membantu kepada pengwujudan sebuah PPD yang berkesan.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	viii
Senarai Singkat Kata	ix

KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Kenyataan Masalah	2
1.3	Tujuan dan Objektif Kajian	4
1.3.1	Tujuan	4
1.3.2	Objektif	4
1.4	Skop Kajian	5
1.5	Kawasan Kajian	6
1.6	Kaedah Kajian	7
1.7	Methodologi Kajian	8

BAB 2 KAJIAN TEORITIKAL

2.1	Pengenalan	13
2.2	Definisi Pusat Pertumbuhan Desa	14
2.3	Justifikasi Teori Dalam Pusat Pertumbuhan Desa	17
2.4	Asas-Asas Teori Pusat Pertumbuhan Desa	19

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pembangunan yang pesat pada tahun 80an di bandar-bandar seluruh Semenanjung Malaysia telah meningkatkan kadar penghijrahan keluar penduduk dari luar bandar ke bandar. Situasi ini menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan pembangunan di sesetengah kawasan terutamanya kawasan pertanian. Tenaga kerja muda lebih banyak tertumpu kepada sektor pembuatan dan industri yang mana menyebabkan sektor pertanian menjadi lembab dan tidak berkembang.

Selaras dengan itu, satu pendekatan baru iaitu konsep Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) telah diperkenalkan bagi mengimbangkan pembangunan di antara bandar dan juga luar bandar. PPD telah diperkenalkan pada tahun 1984 merujuk kepada saranan Perdana Menteri yang berdasarkan pada Rancangan Malaysia ke 4 mengenai pembangunan luar bandar.

Antara objektif penubuhan PPD adalah sebagai satu pusat yang menyediakan kemudahan dan juga perkhidmatan bagi kampung-kampung dalam lingkungan 6-10 km jejari. Konsep PPD ini dipilih berdasarkan kepada potensi pembangunan dan juga pengaruh kawasan tersebut terhadap kampung-kampung lain di sekitarnya. Ini kerana